

DBKL memasang 5,000 kamera litar tertutup yang menggunakan sistem AI di sekitar ibu kota bagi meningkatkan keselamatan awam dan pengurusan trafik.
- Gambar NSTP/AZIAH AZMEE



Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

5,000 ‘pengintip’ diyakini

CCTV berteknologi AI dipasang sekitar KL buat warga kota rasa lebih selamat

Kuala Lumpur

Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi kecerdasan buatan (AI) di lokasi tertentu di ibu negara menimbulkan rasa selamat dalam kalangan warga kota serta pelancong.

Penjawat awam Abdul Wafaa Abdul Redduwaf, 30, berkata inisiatif itu juga dilihat sebagai usaha kerajaan dalam membantu mengurangkan kadar jenayah di sekitar ibu kota ini.

Menurutnya, CCTV berkenaan bukannya bertujuan untuk mengganggu privasi, tetapi untuk aspek keselamatan masyarakat.

“Bagi saya, pemasangan CCTV berteknologi tinggi ini adalah pelaburan untuk negara dalam memberikan perspektif Kuala Lumpur sebagai tempat yang selamat.”

“Pada masa sama, ia memastikan warga kota ini berasa selamat apabila sentiasa ‘diperhatikan’ oleh kemudahan berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Haziliana Jamaludin, 35, berkata pemasangan CCTV itu mampu meningkatkan tahap keyakinan keselamatan bukan sahaja dalam kalangan warga kota, tetapi juga pelancong.

“Seperti kita sedia maklum, Kuala Lumpur adalah tempat yang sering dipenuhi dengan pelancong sama ada dari dalam negara mahupun luar negara.

“Dengan adanya CCTV ini, ia membantu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan mereka di ibu kota ini,” katanya yang bekerja sendiri.

Bagaimanapun, katanya, inisiatif itu diharap sentiasa dipelihara dalam jangka masa panjang bagi mengelak menjadi pembaziran kepada kerajaan.

“Saya harap pemasangan CCTV ini tidak seperti perumpamaan ‘hangat-hangat tahi ayam’. Jangan pula dalam tempoh beberapa tahun sahaja, kemudahan itu sudah rosak dan tidak boleh berfungsi.

“Kemudahan itu perlu sentiasa diselenggara dan dijaga supaya tidak menjadi ‘mangsa’ vandalisme pihak tidak bertanggungjawab sekali gus mengakibatkan objektif utama ia digunakan tidak dapat dilaksanakan,” katanya.

“CCTV yang dipasang mempunyai pandangan 360 darjah dengan jarak 200 meter dan sambungan fiber optik untuk imej berkualiti tinggi”

Hantaran Facebook DBKL

pat dilaksanakan,” katanya.

Terdahulu, media melaporkan sebanyak 5,000 CCTV berteknologi AI dipasang di sekitar ibu negara untuk keselamatan dan kesejahteraan warga kota.

Menurut hantaran dimuat naik di akaun Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), CCTV berkenaan dipasang di jalan raya, kawasan jenayah, taman awam, River of Life dan pasar sekitar ibu negara.

Katanya, Pusat Info Trafik dan Kawalan Lampu Isyarat (KLCCC) mempunyai keupayaan rakaman 24 jam setiap hari dengan simpanan data sehingga 45 hari.

“CCTV yang dipasang mempunyai pandangan 360 darjah dengan jarak 200 meter dan sambungan fiber optik untuk imej berkualiti tinggi.

“Ia membantu mengurus trafik dengan lebih sistematik, mengurangkan jenayah melalui pemantauan kawasan panas dan dilengkapi teknologi AI untuk mengenal pasti kesalahan lalu lintas, iklan haram, amaran banjir serta aktiviti mencurigakan,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan sebanyak 20,000 CCTV diperlukan di seluruh ibu negara bagi tugas pemantauan trafik dan jenayah.